



## PILIHAN SIMPANAN KWSP PATUH SYARIAH

Simpanan Syariah merupakan pilihan yang ditawarkan oleh KWSP bagi membolehkan ahli KWSP memilih untuk akaunnya diuruskan dan dilaburkan mengikut Syariah.

### CIRI – CIRI UTAMA SIMPANAN SHARIAH

- Semua ahli KWSP tanpa mengira agama, bangsa dan status warganegara boleh memilih Simpanan Syariah;
- Simpanan Syariah diuruskan dan dilaburkan berdasarkan Akad Wakalah di mana Lembaga KWSP dilantik dan diamanahkan untuk bertindak bagi pihak ahli untuk menguruskan dan melaburkan simpanan ahli mengikut Syariah;
- Simpanan Syariah diperakukan oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah, KWSP (JKPS) dan tertakluk kepada Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah;
- Kadar dividen yang akan diisytiharkan untuk Simpanan Syariah adalah berdasarkan prestasi sebenar pelaburan patuh Syariah yang diuruskan dan dilaburkan oleh KWSP; dan
- Ahli KWSP yang memilih Simpanan Syariah tidak boleh membatalkan pilihannya selepas tarikh kuat kuasa dan kembali ke Simpanan Konvensional.

### PERBEZAAN UTAMA ANTARA SIMPANAN SHARIAH DAN SIMPANAN KONVENSIONAL

	Simpanan Syariah	Simpanan Konvensional
Pendaftaran	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kaunter KWSP</li><li>• KWSP Mobile team</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Automatik (melalui majikan)</li><li>• Menghadirkan diri ke kaunter KWSP</li><li>• Mel</li></ul>
Dividen	Kadar dividen adalah berdasarkan <b>prestasi sebenar pelaburan patuh Syariah</b> dan tiada jaminan kadar dividen minimum	Kadar dividen adalah berdasarkan <b>prestasi sebenar pelaburan konvensional</b> (pelaburan tidak patuh Syariah dan patuh Syariah) dan tertakluk kepada <b>kadar dividen minimum 2.5%</b>
Pengeluaran	Kemudahan pengeluaran sedia ada dikekalkan kecuali <b>Skim Pelaburan Ahli</b> , di mana ahli hanya dibenarkan untuk melabur dalam <b>dana patuh Syariah</b>	Kemudahan pengeluaran sedia ada dikekalkan
Pelaburan	Pelaburan berdasarkan prinsip <b>Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir urus (ESG)</b> dan <b>prinsip Syariah</b> .	Pelaburan berdasarkan prinsip <b>Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG)</b> .

## PENDAFTARAN SIMPANAN SHARIAH

1. Ahli boleh mendaftar pilihan Akaun Simpanan Syariah melalui:
  - i) Kaunter KWSP
  - ii) KWSP Mobile team
2. Dokumen yang perlu di bawa semasa pendaftaran - MyKad / Passport (Bukan Warganegara Malaysia)
3. Permohonan ahli yang berjaya akan menerima Notis dan Sistem Pesanan Ringkas (SMS) pengesahan tarikh kuat kuasa tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum tarikh kuat kuasa pilihan Simpanan Syariah.
4. Sekiranya ahli tidak menerima sebarang makluman berkenaan tarikh kuat kuasa ianya disebabkan oleh:
  - i) Kuota dana syariah yang diperuntukkan telah dipenuhi dan ahli masih dalam senarai menunggu; dan/atau
  - ii) Maklumat perhubungan ahli tidak dikemaskini.

## TARIKH KUAT KUASA SIMPANAN SHARIAH

- Selepas pendaftaran Simpanan Syariah, ahli akan menerima makluman tarikh kuat kuasa akaun Simpanan Syariah.
- Tarikh kuat kuasa pilihan Simpanan Syariah adalah pada 1 Januari pada tahun selepas pendaftaran dibuat tertakluk kepada peruntukan tahunan dana syariah mengikut giliran dan apa-apa syarat lain yang ditentukan oleh Lembaga.
- Ahli yang gagal mendapatkan tarikh kuat kuasa kerana ketidakcukupan peruntukan dana atau pendaftaran selepas tarikh akhir tahunan, perlu menunggu peruntukan dana syariah seterusnya.

## PEMBATALAN SIMPANAN SHARIAH


- Ahli boleh membatalkan pendaftaran Simpanan Syariah sebelum tarikh kuat kuasa Akaun Simpanan Syariah.
- Ahli boleh membuat pembatalan di mana-mana kaunter KWSP dengan membawa MyKad / Passport (Bukan Warganegara Malaysia).
- Pembatalan tidak dibenarkan dibuat selepas tarikh kuat kuasa.

## AKAD SIMPANAN SHARIAH

Akad bagi Simpanan Syariah adalah berasaskan akad Wakalah di mana ahli melantik Lembaga sebagai wakil dan pemegang amanah untuk mengurus dan melaburkan kesemua kredit (simpanan) di dalam akaun ahli mengikut prinsip syariah, berdasarkan peruntukan-peruntukan di bawah Akta KWSP 1991, Peraturan-Peraturan dan Kaedah-Kaedah KWSP serta ketetapan lain mengenainya yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.



[Klik untuk contoh Akad Simpanan Syariah](#)



## CIRI – CIRI AKAD SIMPANAN SHARIAH

- Akad bagi Simpanan Shariah adalah berdasarkan akad wakalah yang diperakukan oleh JKPS.
- Akad wakalah yang digunakan ini dikategorikan sebagai *wakalah mudhafah lil mustaqbal* (pewakilan yang berkuatkuasa pada masa hadapan) di mana Akaun Simpanan Shariah ini akan berkuat kuasa pada tarikh yang ditentukan oleh Lembaga iaitu pada 1 Januari setiap tahun tertakluk kepada peruntukan dana, dan bukan serta merta selepas pendaftaran Simpanan Shariah.
- Lembaga akan mengisytiharkan dividen tahunan bagi Simpanan Shariah mengikut prestasi sebenar Portfolio Syariah yang diperuntukkan kepada Simpanan Shariah mengikut bahagiannya di dalam portfolio iaitu pendapatan nyata pelaburan patuh syariah, dan pendapatan bukan pelaburan setelah mengambil kira perbelanjaan.
- KWSP tidak menjamin sebarang kadar dividen minimum bagi Simpanan Shariah kerana sebarang jaminan pulangan oleh KWSP sebagai pengurus dana adalah menjurus kepada amalan riba yang dilarang oleh syarak. Walau bagaimanapun, kedua-dua Simpanan Shariah dan Simpanan Konvensional mempunyai sasaran strategik pelaburan yang sama bagi memastikan nilai simpanan ahli terpelihara dan dapat ditambah nilai.

## PELABURAN PATUH SYARIAH

- Selain daripada pelaburan beretika yang bebas daripada pelaburan dalam sektor yang menghasilkan dan mempromosi antara lain alkohol, perjudian, hiburan dewasa dan senjata ketenteraan, semua aset pelaburan juga akan melalui proses saringan syariah berdasarkan kriteria dan garis panduan syariah yang ditetapkan oleh JKPS bagi menyingkirkan elemen tidak patuh syariah seperti riba (faedah), gharar (ketidakpastian dalam kontrak), maysir (perjudian) dan lain-lain elemen terlarang seperti barangan dan perkhidmatan tidak halal.
- Untuk memastikan pematuhan syariah menyeluruh ke atas pelaburan Simpanan Shariah, JKPS telah menetapkan polisi syariah berkaitan pematuhan dan pengawasan pelaburan patuh syariah yang dikemaskini dari semasa ke semasa.
- Oleh kerana jumlah aset pelaburan syariah KWSP (portfolio syariah) adalah lebih besar daripada jumlah simpanan ahli Simpanan Shariah, Simpanan Konvensional akan turut sama melabur di dalam portfolio syariah
- Pendapatan yang terhasil daripada portfolio syariah dialokasikan kepada Simpanan Shariah mengikut bahagiannya di dalam portfolio tersebut.

## PENGENDALIAN PENDAPATAN TIDAK PATUH SYARIAH

- Pendapatan tidak patuh syariah diperolehi daripada lebih keuntungan yang disebabkan oleh pengelasan semula pelaburan patuh syariah kepada tidak patuh syariah, pendapatan faedah daripada akaun konvensional luar negara bagi pelaburan patuh syariah dan caj lewat bayar.
- Untuk melindungi kepentingan ahli, caj lewat bayar dan/atau dividen dikenakan ke atas majikan yang lewat membayar caruman dan pihak-pihak lain yang lewat membayar apa-apa obligasi kewangan yang kena dibayar kepada KWSP. Berhubung dengan Simpanan Syariah KWSP, JKPS membenarkan caj tersebut dikenakan sebagai langkah pencegahan dan penalti kepada pihak yang mungkir, sama ada dalam bentuk ta'widh (pampasan) atau gharamah (penalti melebihi kadar ta'widh). Ta'widh yang diluluskan oleh JKPS boleh direkodkan sebagai pendapatan patuh syariah, manakala sebarang amaun melebihi kadar ta'widh adalah pendapatan tidak patuh syariah.
- JKPS telah memutuskan bahawa pendapatan tidak patuh syariah hanya boleh digunakan untuk perbelanjaan yang dibenarkan iaitu aktiviti kebajikan seperti bayaran manfaat kematian, manfaat hilang upaya dan kos invokasi, dan sebarang lebihan pendapatan tidak patuh syariah boleh digunakan untuk perbelanjaan operasi dan perbelanjaan pelaburan tidak langsung.

## PENGGELASAN SEMULA PELABURAN PATUH SYARIAH

- Pelaburan KWSP seperti ekuiti tersenarai dan persendirian, hartanah dan infrastruktur adalah tertakluk kepada saringan syariah berkala yang bertujuan untuk menyemak status syariah bagi pelaburan tersebut.
- Bagi pelaburan dalam ekuiti tersenarai, saringan syariah akan dijalankan berdasarkan semakan berkala oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia ("MPS SC") bagi ekuiti domestik dan penyedia indeks syariah yang berkaitan untuk ekuiti luar negara.
- Walau bagaimanapun, untuk pelaburan dalam ekuiti persendirian, hartanah dan infrastruktur, saringan syariah akan dijalankan oleh KWSP setiap tahun berdasarkan kriteria dan garis panduan saringan syariah yang ditetapkan oleh JKPS ("Saringan Syariah KWSP")
- Hasil daripada saringan syariah, jika pelaburan di atas dikeluarkan daripada senarai sekuriti patuh syariah MPS SC atau indeks syariah berkaitan, atau gagal melepasi Saringan Syariah KWSP mengikut mana-mana yang berkenaan, pelaburan tersebut akan dikelaskan semula sebagai pelaburan tidak patuh syariah dan dipindahkan daripada portfolio syariah ke portfolio bukan syariah.
- Sebaliknya, sekiranya pelaburan di dalam portfolio bukan syariah yang telah berjaya melepasi saringan syariah berdasarkan senarai sekuriti patuh syariah MPS SC atau indeks syariah atau Saringan Syariah KWSP mengikut mana-mana yang berkenaan, pelaburan tersebut akan dikelaskan semula sebagai pelaburan patuh syariah dan dipindahkan ke portfolio syariah.
- Bagi mandat syariah yang diuruskan oleh pengurus dana luar, sebarang instrumen patuh syariah yang dikelaskan semula sebagai tidak patuh syariah akan dilupuskan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh MPS SC.

## JAWATANKUASA PENASIHAT SHARIAH (JKPS)

JKPS adalah sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga KWSP di bawah seksyen 23A Akta KWSP 1991. JKPS merupakan pihak berkuasa bagi penentuan perkara Syariah dalam memastikan pengurusan Simpanan Syariah mematuhi prinsip Syariah.



**Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin (Pengerusi)**  
Pengarah Eksekutif  
International Shari'ah Research Academy for Islamic Finance (ISRA)



**Prof. Madya Dr. Aznan Hasan (Timbalan Pengerusi)**  
Profesor Madya  
Institut Perbankan dan Kewangan Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)



**Dr. Zaharuddin Abdul Rahman**  
Pengasas/Ketua Pegawai Eksekutif,  
Elzar Shariah Solutions & Advisory Sdn Bhd.



**Prof. Dr. Engku Rabiah Adawiah Engku Ali**  
Profesor  
Institut Perbankan dan Kewangan Islam, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)



**Dr. Kamaruzaman Noordin**  
Pensyarah Kanan  
Jabatan Syariah dan Pengurusan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM)

## ZAKAT SIMPANAN KWSP

Berkenaan Zakat ke atas simpanan KWSP, JKPS telah memutuskan:

- Ahli KWSP beragama Islam bertanggungjawab membayar zakat ke atas simpanan KWSP yang layak dikeluarkan dan digunakan tanpa sebarang sekatan iaitu mempunyai pemilikan sempurna (*Milkut Tam*) pada kadar 2.5%, tertakluk kepada Nisab (kadar minimum yang bersamaan dengan nilai semasa 85 gram emas) seperti yang ditentukan oleh pihak berkuasa Zakat negeri masing-masing.
- KWSP tidak mengeluarkan zakat perniagaan atau membayar zakat simpanan KWSP bagi pihak ahli kerana semua pelaburan KWSP adalah menggunakan simpanan ahli KWSP yang belum menjadi milik sepenuhnya yang merupakan salah satu syarat wajib mengeluarkan zakat.
- Jenis-jenis pengeluaran yang tertakluk kepada pembayaran zakat adalah:
  - i) Pengeluaran Umur 50 Tahun;
  - ii) Pengeluaran Umur 55 Tahun;
  - iii) Pengeluaran Umur 60 Tahun;
  - iv) Pengeluaran Meninggalkan Negara;
  - v) Pengeluaran Pekerja Berpencen Dan Pengeluaran Pesara Pilihan; dan
  - vi) Pengeluaran Simpanan Melebihi RM 1 Juta.

- Pengeluaran-pengeluaran yang tidak diwajibkan Zakat.
  - i) Pengeluaran bagi memenuhi keperluan asas (hajjah asliyyah) seperti pengeluaran berkaitan pemilikan kediaman (iaitu pengeluaran membeli/membina rumah, pengeluaran mengurangkan/ menyelesaikan baki pinjaman perumahan dan pengeluaran ansuran bulanan pinjaman perumahan), pendidikan, kesihatan dan hilang upaya.
  - ii) Pengeluaran haji yang bertujuan untuk menampung perbelanjaan asas mengerjakan ibadah Haji bagi ahli beragama Islam.
  - iii) Pelaburan di bawah Skim Pelaburan Ahli (SPA) yang masih di bawah kawalan KWSP iaitu ahli yang belum mencapai umur 55 tahun atau belum mengeluarkan semua simpanan ahli di bawah Pengeluaran Meninggalkan Negara, Pengeluaran Hilang Upaya, Pengeluaran Pekerja Berpencen atau Pengeluaran Kematian.
- Ahli yang ingin membayar hutang menggunakan simpanan KWSP, zakat hanya dikenakan ke atas baki simpanan KWSP yang boleh dikeluarkan setelah ditolak hutang yang ingin dibayar sekiranya mencapai Nisab. Selain daripada hutang, ahli juga boleh membuat tolakan bagi perbelanjaan keperluan asas diri ahli dan tanggungannya berdasarkan kepada *Haddul Kifayah* (kadar yang mencukup bagi menanggung keperluan asas) yang ditetapkan oleh pihak berkuasa Zakat negeri masing-masing sebelum membuat pengiraan jumlah zakat ke atas simpanan KWSP.

## PENYUCIAN DIVIDEN

Jawatankuasa Penasihat Syariah KWSP (JKPS) telah memutuskan pertukaran ke Simpanan Syariah dikecualikan daripada penyucian dividen. Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia yang telah diadakan pada 18 Ogos 2015 juga telah memutuskan KWSP tidak diwajibkan untuk melakukan penyucian terhadap dividen simpanan semua ahli KWSP yang bersetuju untuk bertukar ke Simpanan Syariah.



*Pautan ke : Keputusan Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia.*

Sekiranya ahli masih ingin melakukan penyucian dividen, ahli dinasihatkan untuk mengikuti garis panduan berikut<sup>1</sup> :-

1. Ahli perlu memastikan penyucian dividen yang hendak dilakukan itu tidak memudharatkan sehingga menjejaskan perbelanjaan asas diri sendiri serta tanggungannya berdasarkan syarat-syarat berikut:-
  - i) Bagi ahli yang mencapai umur 50 tahun, jumlah simpanan KWSP setelah ditolak hutang (sekiranya ada) mestilah melebihi Simpanan Minimum yang ditetapkan iaitu:
    - a. Semenanjung: RM223,200;
    - b. Sabah/Labuan: RM280,800; dan
    - c. Sarawak: RM237,600.
  - ii) Bagi ahli yang belum mencapai umur 50 tahun, pendapatan kasar bulanan isi rumah mestilah melebihi RM2,600.
  - iii) Sekiranya syarat-syarat di atas tidak dipenuhi, ahli dinasihatkan untuk tidak melakukan penyucian.
2. Penyucian hanya dilakukan pada kadar 50% daripada jumlah dividen. Jumlah dividen hendaklah ditentukan seperti berikut:-
  - i) Bagi ahli yang telah membuat pengeluaran penuh: Jumlah dividen yang dikreditkan ke akaun ahli setiap tahun sehingga dividen terakhir yang dibayar bagi pengeluaran penuh; atau
  - ii) Bagi ahli yang telah memilih Simpanan Syariah: Jumlah dividen yang dikreditkan ke akaun ahli setiap tahun sehingga dividen Simpanan Konvensional terakhir.

<sup>1</sup> **Penafian:** Garis panduan penyucian dividen disediakan bagi tujuan panduan sahaja. Sila ambil maklum bahawa KWSP tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menanggung sebarang kos atau kerugian ke atas apa-apa kekurangan atau lebihan amaun bagi tujuan penyucian dividen yang dibuat oleh ahli.

3. Penyucian boleh dilakukan menggunakan apa-apa sumber kewangan ahli termasuk wang yang dikeluarkan daripada KWSP iaitu Pengeluaran Umur 50 dan 55 Tahun, Pengeluaran Meninggalkan Negara, Pengeluaran Pekerja Berpencen Dan Pengeluaran Pesara Pilihan, Pengeluaran Simpanan Melebihi RM 1 Juta dan Pengeluaran Hilang Upaya
4. Amaun penyucian hendaklah disalurkan kepada aktiviti-aktiviti kebajikan seperti bantuan fakir miskin, bencana alam, kos perubatan dan penjagaan kesihatan, kos pendidikan dan pembinaan/penyediaan kemudahan awam sama ada:-
  - i) Melalui Baitulmal di Majlis Agama Islam negeri masing-masing atau persatuan/ pertubuhan yang berdaftar sebagai badan kebajikan; atau
  - ii) Secara langsung kepada pihak yang memerlukan bantuan kewangan terutama sekali ahli keluarga yang tidak berkemampuan selain daripada ibubapa, isteri dan anak-anak (tanggungjawab wajib).



*Pautan ke Contoh Pengiraan Amaun Penyucian.*

## PENYUCIAN DIVIDEN SIMPANAN KONVENSIONAL 2017 BAGI AHLI BERAGAMA ISLAM YANG BELUM BERTUKAR KE SIMPANAN SHARIAH

1. Peratusan dividen Simpanan Konvensional 2017 yang perlu disucikan adalah 64% daripada jumlah dividen yang dikreditkan ke akaun ahli yang belum bertukar ke Simpanan Syariah atau Simpanan Syariah ahli belum berkuat kuasa pada 2017

	Simpanan Syariah	Simpanan Konvensional
Kadar Dividen	6.40%	6.90%
Sumber Dividen	100%	<div style="display: flex; justify-content: space-around;"> <div style="text-align: center;"> <span style="color: red; font-weight: bold;">36%</span> Pelaburan syariah           </div> <div style="text-align: center;"> <span style="color: red; font-weight: bold;">64%</span> Pelaburan bukan syariah           </div> </div>
Penyucian Dividen Bagi Ahli Beragama Islam	Tidak berkenaan	<span style="color: red; font-weight: bold;">64%</span> Jumlah dividen yang dikreditkan ke akaun ahli

2. Contoh pengiraan:
  - a) Jumlah dividen Simpanan Konvensional : RM10,000
  - b) Jumlah dividen yang perlu disucikan:  $RM10,000 \times 64\% = RM6,400$
3. Penyucian dividen boleh dilakukan menggunakan sumber kewangan ahli sendiri dan hendaklah disalurkan kepada aktiviti-aktiviti kebajikan seperti bantuan fakir miskin, bencana alam, kos perubatan dan penjagaan kesihatan, kos pendidikan dan pembinaan/penyediaan kemudahan awam sama ada:-
  - i) Melalui Baitulmal di Majlis Agama Islam negeri masing-masing atau persatuan/ pertubuhan yang berdaftar sebagai badan kebajikan; atau
  - ii) Secara langsung kepada pihak yang memerlukan bantuan kewangan, terutama ahli keluarga yang tidak berkemampuan selain daripada ibubapa, isteri dan anak-anak (tanggungjawab wajib).



## SOALAN LAZIM

- 1. Apakah kadar Dividen 2017 bagi Simpanan Konvensional dan Simpanan Syariah ?**  
Kadar Dividen 2017 untuk Simpanan Konvensional adalah 6.90 peratus dan Simpanan Syariah adalah 6.40 peratus.
- 2. Bolehkah ahli KWSP mempunyai dua akaun KWSP – Simpanan Konvensional dan Simpanan Syariah?**  
Tidak, ahli KWSP hanya boleh mempunyai satu akaun sahaja sama ada Simpanan Konvensional atau Simpanan Syariah
- 3. Bagaimana kadar dividen Simpanan Syariah dijana?**  
Dividen bagi Simpanan Syariah adalah berdasarkan pendapatan nyata pelaburan patuh Syariah daripada pelaburan dan bukan pelaburan setelah mengambil kira perbelanjaan mengikut bahagian Simpanan Syariah dalam aset-aset patuh Syariah KWSP. Jumlah pendapatan nyata bersih ini kemudiannya dibahagikan dengan amaun yang diperlukan untuk setiap satu peratus dividen bagi Simpanan Syariah.
- 4. Mengapakah Simpanan Syariah tidak didaftar secara automatik oleh pihak KWSP untuk semua ahli beragama Islam?**  
Dari segi syariah, bagi menyempurnakan sesuatu akad, ianya perlu dilaksanakan dengan kerelaan dan persetujuan bersama ke atas terma dan syarat. Bagi Simpanan Syariah, akad yang digunapakai adalah akad wakalah di mana ahli melantik Lembaga KWSP sebagai wakil dan pemegang amanah untuk menguruskan simpanannya mengikut syariah dan undang-undang.
- 5. Jika akaun saya ialah Simpanan Syariah, adakah penyata tahunan saya akan berbeza?**  
Tidak, ahli akan menerima penyata tahunan yang sama. Penyata tahunan tersebut akan menyatakan status akaun ahli dan tarikh kuat kuasa Simpanan Syariah.
- 6. Bolehkah saya mengakses Simpanan Syariah melalui i-Akaun?**  
Ya, ahli boleh mengakses Simpanan Syariah melalui i-Akaun.
- 7. Adakah saya perlu memaklumkan kepada majikan sekiranya saya membuat pilihan Simpanan Syariah?**  
Tidak, ahli tidak perlu memaklumkan kepada majikan sekiranya ahli memilih Simpanan Syariah.
- 8. Adakah majikan perlu membuat pembayaran caruman secara berasingan untuk pekerja mereka yang membuat pilihan Simpanan Syariah?**  
Tidak, majikan tidak perlu membuat pembayaran caruman secara berasingan untuk pekerja yang memilih Simpanan Syariah.
- 9. Adakah majikan perlu mengisi Borang A secara berasingan? Adakah terdapat borang yang khusus untuk majikan?**  
Tidak, majikan hanya perlu mengisi Borang A seperti proses yang sedia ada dan tiada borang tambahan atau perubahan yang perlu dibuat oleh majikan.
- 10. Adakah terdapat peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah baru yang harus dipatuhi oleh majikan berkenaan caruman jika pekerja mereka ingin membuat pilihan Simpanan Syariah?**  
Tidak, majikan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah caruman yang sedia ada.



## SOALAN LAZIM

- 11. Adakah terdapat sebarang kos tambahan yang akan dikenakan terhadap majikan sekiranya pekerja mereka ingin membuat pilihan Simpanan Syariah?**

Tidak, tiada sebarang kos tambahan akan dikenakan ke atas majikan sekiranya pekerja mereka ingin memilih Simpanan Syariah.

- 12. Adakah saya dibenarkan untuk menggunakan wang pengeluaran saya daripada Simpanan Syariah untuk membayar pinjaman perumahan konvensional atau terhad kepada pinjaman perumahan Islamik sahaja?**

Ya, ahli dibenarkan untuk menggunakan wang pengeluaran untuk pembiayaan pinjaman perumahan konvensional dan Islamik; tertakluk kepada syarat pengeluaran perumahan yang berkuat kuasa.

- 13. Adakah dana-dana amanah yang diuruskan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) termasuk Amanah Saham Bumiputera 2 (ASB2) patuh Syariah? Adakah ahli Simpanan Syariah dibenarkan membuat pelaburan di dalam dana amanah yang diuruskan oleh ASNB?**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-80 telah memutuskan hukum melabur dalam Skim Amanah Saham Nasional (ASN) dan Skim Amanah Saham Bumiputera (ASB) serta dividen atau bonus yang diterima adalah harus. Ahli Simpanan Syariah boleh merujuk kepada Institusi Pengurusan Dana (IPD) dan penasihat Syariah yang dilantik oleh IPD bagi mendapatkan penjelasan mengenai pematuhan Syariah mana-mana dana patuh Syariah yang tersenarai. Jawatankuasa Penasihat Syariah KWSP tidak memberi sebarang perakuan ke atas mana-mana dana patuh Syariah yang tersenarai.

- 14. Bagaimanakah KWSP memastikan Simpanan Syariah kekal statusnya sebagai patuh Syariah?**

KWSP telah mewujudkan rangka kerja tadbir urus Syariah yang komprehensif bagi memastikan aktiviti operasi dan pelaburan Simpanan Syariah mematuhi garis panduan dan parameter pelaburan patuh Syariah yang diluluskan oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah KWSP (JKPS). JKPS juga memberikan pernyataan dan laporan pematuhan Syariah berkaitan Simpanan Syariah bagi setiap tahun kewangan sebagai sebahagian daripada keperluan tadbir urus korporat KWSP.

- 15. Adakan terdapat sebarang perubahan terhadap polisi penamaan bagi Simpanan Syariah**

Penamaan bagi ahli Simpanan Syariah adalah sama seperti polisi penamaan yang sedia ada.



Untuk keterangan lanjut sila layari

(<http://www.kwsp.gov.my/portal/ms/web/kwsp/members/member-responsibility/registration/nomination>)

- 16. Sekiranya saya ada membuat pelaburan konvensional daripada simpanan KWSP di Akaun 1 sebelum saya memilih Simpanan Syariah, adakah saya perlu menukar, menebus atau menjual pelaburan tersebut?**

Kaedah-Kaedah KWSP (Akaun Simpanan Syariah) 2016 menetapkan, pelaburan yang dibuat oleh ahli sebelum tarikh kuat kuasa Simpanan Syariah tidak diwajibkan untuk ditukar kepada pelaburan patuh syariah, atau dicairkan atau ditebus. Walau bagaimanapun, berpandukan hukum syarak, Jawatankuasa Penasihat Syariah KWSP menasihati ahli-ahli beragama Islam untuk menukar pelaburan konvensional mereka kepada pelaburan patuh syariah atau menebus atau mencairkan pelaburan konvensional yang dibuat. Sebagai orang yang beragama Islam, adalah menjadi suatu kewajiban bagi mereka untuk memastikan setiap urusan termasuk apa-apa yang berkaitan dengan urusan harta dan kewangan mereka mematuhi syariah. Mereka juga dinasihatkan untuk menyucikan apa-apa keuntungan yang diperolehi daripada pelaburan konvensional itu, sekiranya ada.



KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA  
**AKAD SIMPANAN SHARIAH**

No Rujukan: 2600000000003  
Tarikh : DD/MM/YYYY



**(A) MAKLUMAT AHLI**

Nama : ALI BIN ABU  
No. Ahli : 20855913  
No. Kad Pengenalan : 841104075295  
No. Polis/Tentera/Pasport/ Dokumen Pengenalan Lain : -  
Alamat E-mel : aliabu@gmail.com  
No. Tel. Bimbit : 017-7485368

**(B) AKAD SIMPANAN SHARIAH**

Saya dengan ini membuat "pilihan" bahawa kesemua amaun yang ada pada kredit akaun saya dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP") diuruskan mengikut Syariah sepertimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 43A Akta KWSP 1991.

Saya bersetuju melantik Lembaga KWSP sebagai "*wakil*" dan "*pemegang amanah*" untuk mengurus dan melaburkan kesemua amaun yang ada pada kredit akaun KWSP saya mengikut Syariah berdasarkan peruntukan-peruntukan di bawah Akta KWSP 1991, Peraturan-Peraturan dan Kaedah-Kaedah KWSP serta ketetapan lain mengenainya yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

Saya juga bersetuju bahawa:

- Pilihan* ini hanya akan mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditentukan ("*tarikh kuat kuasa*") berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Lembaga KWSP.
- Pilihan* ini hanya boleh dibatalkan sebelum *tarikh kuat kuasa* dan tiada pembatalan dibenarkan selepas tarikh kuat kuasa.
- Kadar dividen tahunan adalah berdasarkan prestasi sebenar pelaburan patuh Syariah yang diisytiharkan oleh Lembaga KWSP.
- Lembaga KWSP boleh melantik mana-mana pihak ketiga untuk menguruskan pelaburan bagi kesemua atau sebahagian amaun yang ada pada kredit akaun KWSP saya.
- Pemindahan dana di bawah Skim Pelaburan ahli KWSP yang diuruskan oleh institusi pengurusan dana atau institusi-institusi lain hanya boleh dibuat dalam produk patuh Syariah yang disenaraikan oleh Lembaga KWSP.
- Dividen bagi caruman yang lewat dibayar, pelarasan akaun, pengembalian caruman dan pelarasan bayaran caruman yang akan dikreditkan ke dalam akaun KWSP saya akan ditentukan berdasarkan status akaun saya sepertimana yang ditetapkan oleh Lembaga KWSP.
- Akad ini akan ditamatkan dan tidak lagi berkuat kuasa dalam mana-mana keadaan yang berikut:
  - Pengeluaran penuh yang telah dibenarkan oleh Lembaga KWSP di bawah skim-skim pengeluaran:
    - Meninggalkan Negara; atau
    - Kematian;
  - Kesemua amaun yang ada pada kredit akaun KWSP saya dipindahkan kepada Pendaftar Wang Tak Dituntut.
- Sebarang keputusan Lembaga KWSP berkaitan pengurusan kredit yang ada pada akaun KWSP saya adalah muktamad.
- Lembaga KWSP berhak membuat apa-apa penambahan, pindaan atau perubahan kepada terma dan syarat Akad ini berdasarkan peruntukan-peruntukan di bawah Akta KWSP 1991.

**(C) PENGESAHAN DAN PERSETUJUAN**

Dengan menurunkan cap ibu jari saya ini, saya mengesahkan :

- semua butiran dalam ruangan (A) adalah benar dan betul; dan
- saya telah membaca, memahami dan bersetuju dengan keseluruhan kandungan Akad ini.

CAP IBU JARI KIRI  
(Jika Perlu)

CAP IBU JARI KANAN

**SIGHAH**  
**KEPUTUSAN MUZAKARAH KHAS**  
**JAWATANKUASA FATWA**  
**MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL UGAMA ISLAM**  
**MALAYSIA**

**Tarikh : 18 Ogos 2015**  
**Masa : 9.30 pagi**  
**Tempat : Dewan Syura**  
**Aras 9, JAKIM**

**1. Kertas JKF Khas Bil. 1/2/2015**

**Penyucian Dividen Simpanan Ahli KWSP Sedia Ada Sebelum Bertukar Ke Akaun KWSP Yang Diuruskan Mengikut Prinsip Syariah (KWSP-Islamik)**

- 1.1 Setelah **meneliti fakta-fakta, hujah-hujah dan pandangan** yang dikemukakan **Muzakarah** mendapati bahawa:
- i. Selaku pemegang amanah ke atas simpanan ahli KWSP, **keuntungan yang diperolehi** oleh KWSP adalah **berbentuk *Takassub* dan bukan secara *Ghasab***. Dividen yang diterima oleh ahli KWSP diperolehi melalui transaksi pelaburan yang dilakukan mengikut lunas undang-undang dan berdasarkan **kontrak yang dipersetujui bersama**.
  - ii. KWSP merupakan pemegang amanah yang diberi mandat untuk menguruskan simpanan ahli-ahli di bawah Akta KWSP 1991, di mana **majikan diwajibkan** untuk mencarum dengan KWSP bagi pihak ahli dan setakat ini **tiada sebarang pilihan diberikan kepada ahli** dan mereka tiada *hak tasarruf* dalam urusan simpanan mereka sejak dari awal mencarum dalam KWSP. Simpanan tersebut akan menjadi hak dan milik ahli KWSP setelah mencapai umur yang ditetapkan
  - iii. Berdasarkan amalan semasa perbankan dan kewangan Islam di Malaysia, **tiada sebarang ketetapan** yang pernah dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia atau Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang mewajibkan pelanggan perbankan Islam untuk **menyucikan terlebih dahulu sebarang pendapatan tidak patuh syariah yang diterima** sama ada daripada aktiviti perbankan konvensional atau dari sumber-sumber lain **sebelum boleh mendeposit atau melabur ke dalam produk patuh syariah** yang ditawarkan oleh institusi perbankan dan kewangan Islam.
  - iv. Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia juga telah mengeluarkan resolusi **membenarkan segala dividen yang diterima daripada produk konvensional dilaburkan semula ke dalam produk patuh syariah**.
- 1.2 Sehubungan itu, berdasarkan hujah-hujah yang dikemukakan dan bagi menjaga kepentingan dan masalah ahli KWSP yang beragama Islam, Muzakarah **bersetuju memutuskan bahawa KWSP tidak diwajibkan untuk melakukan penyucian terhadap dividen simpanan semua ahli KWSP yang bersetuju untuk bertukar ke akaun KWSP-Islamik**.

## Simpanan Syariah

# PENGIRAAN AMAUN PENYUCIAN

(Bagi ahli yang memilih untuk membuat penyucian)

**Penafian:** Contoh ini disediakan bagi tujuan panduan sahaja. Sila ambil maklum bahawa KWSP tidak akan bertanggungjawab dan tidak akan menanggung sebarang kos atau kerugian ke atas apa-apa kekurangan atau lebihan amaun bagi tujuan penyucian dividen.

Contoh :



**Individu 1**

**Ahli berumur 50 tahun  
menetap di Kuala Lumpur**

Amaun pengeluaran 50 tahun: RM100,000

Baki Akaun: RM200,000

Jumlah dividen sehingga dividen terakhir  
Simpanan Konvensional (tahun 2016): RM75,000



**Individu 2**

**Ahli berumur 55 tahun telah membuat  
pengeluaran penuh dan menetap di Sarawak**

Amaun pengeluaran: RM250,000

Hutang: RM10,000

Jumlah dividen sehingga pengeluaran penuh:  
RM50,000



**Individu 3**

**Ahli berumur 30 tahun**

Pendapatan kasar isi rumah bulanan: Rm3,000

Jumlah dividen sehingga dividen terakhir  
Simpanan Konvensional (tahun 2016): RM10,000

LANGKAH		INDIVIDU 1	INDIVIDU 2	INDIVIDU 3
<b>1</b>	<b>AHLI YANG MENCAPAI UMUR 50 TAHUN</b>			
	<p><b>A</b> Tentukan jumlah simpanan KWSP (jumlah amaun pengeluaran<sup>1</sup> dan baki semasa akaun KWSP).</p> <p><b>B</b> Tentukan jumlah hutang yang telah/hendak dibayar menggunakan simpanan KWSP (sekiranya ada)</p> <p><b>C</b> Baki Simpanan KWSP (teruskan ke Langkah 2) [A-B]</p>	RM300,000	RM250,000	
	<b>AHLI YANG BELUM MENCAPAI UMUR 50 TAHUN</b>			
	<p><b>D</b> Tentukan pendapatan kasar isi rumah bulanan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Jika pendapatan kasar isi rumah bulanan LEBIH DARIPADA RM2,600 teruskan ke Langkah 3.</li> <li>Jika pendapatan kasar isi rumah bulanan KURANG DARIPADA RM2,600, ahli dinasihatkan untuk tidak melakukan penyucian.</li> </ul>			RM3,000 lebih daripada RM2,600
<b>2</b>	<p><b>E</b> Tentukan Simpanan Minimum<sup>2</sup> mengikut wilayah di mana ahli menetap.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Jika baki simpanan [C] LEBIH DARIPADA Simpanan Minimum [E], teruskan ke Langkah 3.</li> <li>Jika baki simpanan [C] KURANG DARIPADA Simpanan Minimum [E] ahli dinasihatkan untuk tidak melakukan penyucian.</li> </ul>	RM223,200 Lebih daripada Simpanan Minimum	RM237,600 Lebih daripada Simpanan Minimum	
<b>3</b>	<b>F</b> Jumlah dividen	RM75,000	RM50,000	RM10,000
<b>4</b>	<b>G</b> Tentukan amaun penyucian (50% daripada jumlah dividen)	RM37,500	RM25,000	RM5,000
<b>5</b>	<b>H</b> Tentukan baki simpanan selepas ditolak amaun penyucian	RM262,500	RM215,000	
		<ul style="list-style-type: none"> <li>Jika baki simpanan selepas ditolak amaun penyucian [H] SAMA DENGAN/LEBIH DARIPADA Simpanan Minimum [E], amaun penyucian adalah seperti di Langkah 4.</li> <li>Jika baki simpanan selepas ditolak amaun penyucian [H] KURANG DARIPADA Simpanan Minimum [E], ahli dinasihatkan untuk melakukan penyucian amaun lebihan di antara baki simpanan [C] dan Simpanan Minimum [E] sahaja<sup>3</sup>.</li> </ul>	RM 37,500	-

- Amaun pengeluaran dan merujuk kepada Pengeluaran Umur 50 dan 55 tahun, Pengeluaran Meninggalkan Negara, Pengeluaran Pekerja Berpencen Dan Pengeluaran Pesara Pilihan dan Pengeluaran Simpanan Melebihi RM1 Juta yang dibuat selepas ahli mencapai umur 50 tahun.
- Simpanan Minimum: (i) Semenanjung: RM223,200, (ii) Sabah/Labuan: RM280,800 dan (iii) Sarawak: RM237,600
- Ahli dinasihatkan untuk mengekalkan sekurang-kurangnya Simpanan Minimum supaya penyucian yang dilakukan tidak memudharatkan sehingga menjejaskan perbelanjaan asas diri sendiri serta tanggungannya.

